

Gempar anjing gila

■ Penduduk bawa haiwan peliharaan dapatkan suntikan elak wabak menular



KAKITANGAN pihak berkuasa Tempatan (PBT) menangkap anjing liar yang berkecenderungan.

Oleh Aizat Sharif
mohd.aizat@mediaprima.com.my

Padang Besar

Penduduk kawasan Kaki Bukit, di sini, yang memelihara anjing mengambil langkah membawa haiwan peliharaan mereka untuk disuntik vaksin selepas gempar kematian seekor anjing disahkan dijangkiti virus Rabies atau penyakit anjing gila.

Kejadian itu didakwa berlaku di sekitar FELCRA Lubuk Sireh di sini, pada akhir bulan lalu.

Tinjauan Metro Ahad mendapati orang ramai terutama kaum Tionghua mengambil inisiatif membawa anjing peliharaan mereka ke Dewan Masyarakat Pasar Sanyur Kaki Bukit di sini, untuk disuntik.

Suntikan vaksin yang bermula awal pagi itu dilakukan kakitangan Jabatan Perkhidmatan Veterinar (JPV) Perlis sebagai langkah pencegahan bagi memastikan tidak berlaku sebarang epidemik lebih buruk membabitkan pe-

Yong, 41, yang membela tiga anjing jenis Mongrel berkata, dia diberitahu jirannya mengenai kejadian anjing mati disebabkan penyakit anjing gila di FELCRA Lubuk Sireh selain menggigit tuannya.

"Penyakit ini berbahaya bukan sahaja kepada binatang, tetapi manusia. Oleh itu, saya segera membawa anjing peliharaan ke klinik untuk diberikan suntikan kerana bimbang berkecenderungan juga dijangkiti," katanya.

Sementara itu, Pengarah Perkhidmatan Veterinar negeri

Dr Shaharul Akmar Talib berkata, kesedaran masyarakat mengambil langkah pencegahan terhadap binatang peliharaan mereka agak tinggi meskipun pelbagai kempen sudah dibuat.

"Setakat ini (semalam), lebih 200 ekor anjing peliharaan di kawasan itu sudah diberikan suntikan vaksin bagi memastikan kawasan itu tidak dijangkiti penyakit anjing gila.

"Kita percaya penyakit ini lazimnya dibawa oleh anjing liar dan dipindahkan kepada



POLIS mengenakan sekatan jalan raya bagi mengawal pergerakan haiwan.



PETUGAS JPV-Perlis menyuntik anjing bagi mengawal virus Rabies.

FAKTA
200 anjing peliharaan disuntik vaksin